



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SIDANG AKADEMIK 21/22
SEMESTER I**

**PPK 334 : PENGURUSAN MASALAH EMOSI DAN TINGKAH LAKU
KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS**



**DISEDIAKAN OLEH :
NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS
NOMBOR MATRIK : 148634**

**DISEDIAKAN UNTUK :
DR LOW HUI MIN**

**TARIKH PENGHANTARAN :
11 FEBRUARI 2022**

KERJA KURSUS PPK334 (30%)

JAWAPAN :

Berdasarkan situasi yang telah diberikan daripada tugas ini iaitu seorang murid yang bernama Max mengalami masalah impulsif dan hiperaktif. Disebabkan daripada masalah yang dihadapi oleh Max menyebabkan dia tidak boleh duduk diam di tempat duduknya melebihi daripada 10 minit. Kita sedia maklum bahawa kanak-kanak seperti Max yang mengalami masalah hiperaktif dan impulsif ini adalah perilaku utama ADHD. Perkara ini mungkin akan dianggap normal bagi semua kanak-kanak untuk sesekali hilang tumpuan, hiperaktif atau terburu-buru, tetapi jika berlaku terhadap kanak-kanak penghidap ADHD, perilaku ini sangat melampau dan mengganggu fungsi harian. Max ini bukan sahaja sukar untuk duduk di tempatnya, tetapi dia juga susah dalam menunggu giliran, selalu gelisah, berlarian atau memanjat di situasi yang tidak sesuai, tidak dapat bermain dengan tenang, sulit untuk bersantai dan selalu mengganggu orang lain. Jika dibiarkan hal ini berlarutan, maka Max akan menjadi kanak-kanak yang tidak disukai kawan-kawannya dan akan menimbulkan banyak perkara buruk berlaku. Oleh itu, strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai perlulah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Daripada hasil kajian dan analisis yang telah dilakukan, tiga (3) strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai untuk Max adalah :-

- i) Sistem ekonomi token
- ii) Pemberian peneguhan positif
- iii) Tamat masa (Time out)

SISTEM EKONOMI TOKEN

Sistem ekonomi token merupakan kaedah yang paling sesuai untuk membantu Max agar dapat mengubah masalah tingkah laku negatif menjadi tingkah laku positif. Token ekonomi merupakan satu sistem yang meneguhkan tingkah laku positif dengan memberikan token atau hadiah kepada murid apabila mencapai tingkah laku yang diinginkan. Saya memilih strategi ini kerana penggunaan token ekonomi yang memberi ganjaran ini amat sesuai dan berkesan dalam meningkatkan tingkah laku positif serta boleh menyebabkan kanak-kanak seperti Max teruja dan lebih bermotivasi untuk melakukan perkara yang lebih baik. Langkah pelaksanaan bagi sistem ekonomi token ini adalah murid akan diberikan token apabila menunjukkan tingkah laku yang

dikehendaki. Sebagai contohnya, sekiranya Max dapat duduk lebih daripada 10 minit, maka guru akan memberikannya token sebagai ganjaran. Hal ini akan menyebabkan Max boleh mengubah tingkah lakunya yang negatif kepada yang lebih baik kerana dia tahu bahawa sekiranya dia buat apa yang disuruh, maka dia akan memperolehi token yang boleh dia tukar kepada benda-benda yang disukainya. Guru perlu memastikan Max memahami sistem ini dengan betul tentang cara pelaksanaannya mengikut tahap kefahaman Max agar dia dapat mengikutinya. Kelebihan menggunakan ekonomi token ini sebagai strategi membantu Max kerana kaedah ini telah didapati berkesan jika kaedah yang lain tidak berjaya dilaksanakan. Manakala, keburukan daripada strategi ini pula adalah tingkah laku tidak dapat digeneralisasikan secara terus kerana murid terlalu bergantung kepada peneguhan yang konkrit.

PEMBERIAN PENEGUHAN POSITIF

Peneguhan positif ialah memberikan sesuatu ganjaran setelah perlakuan yang diinginkan itu ditunjukkan. Peneguhan positif yang digunakan adalah seperti memberi pujian, sentuhan motivasi dan ganjaran berbentuk hadiah. Saya memilih strategi ini kerana bagi saya kanak-kanak hiperaktif seperti Max suka akan sesuatu ganjaran yang menyebabkan dia akan mengulangi tingkah laku positif. Langkah pelaksanaan untuk strategi ini adalah apabila Max tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang dan menunjukkan tingkah laku yang positif maka guru berjanji akan memberikan ganjaran kepadanya. Guru juga boleh menggunakan teknik pujukan dan pujian apabila murid mengikuti arahan yang diberikan. Guru boleh memuji Max dengan kata-kata motivasi supaya Max lebih bersemangat untuk mengulangi perkara-perkara yang baik. Contohnya guru mengatakan “Max, kamu nampak lebih segar bila duduk dengan sopan” atau “bagus Max, kamu dapat siapkan tugas ini dengan baik sekali, kawan-kawan yang lain boleh mencontohi Max, semangatnya tinggi dalam menyiapkan tugas”. Kata-kata motivasi seperti ini boleh menyebabkan murid rasa lebih dihargai dan meningkatkan semangat murid untuk belajar. Kelebihan strategi ini adalah dapat membantu mengajar murid tingkah laku yang lebih baik, dan untuk mengelakkan tingkah laku yang boleh memudaratkan mereka. Manakala, kekurangannya adalah menyebabkan kebergantungan murid terhadap ganjaran yang diberikan akan menjadikan mereka hanya melakukan tingkah laku positif sekiranya ada ganjaran yang akan diberikan.

TAMAT MASA (TIME OUT)

Tamat masa atau 'time-out' adalah prosedur menempatkan murid berasingan daripada kumpulan atau mengeluarkan murid daripada aktiviti kumpulan. Strategi tamat masa sepatutnya dijalankan dalam masa yang singkat (2-5 min) dan tidak bertujuan untuk menakutkan murid. Saya memilih strategi ini kerana sesuai diaplikasikan terhadap kanak-kanak yang memiliki masalah impulsive dan hiperaktif seperti Max. Sekiranya tingkah laku Max yang suka mengganggu orang dan membuat bising berlaku di dalam kelas, maka guru boleh mengasingkan Max untuk beberapa minit bagi menenangkan keadaan dan tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlaku. Langkah pelaksanaan strategi tamat masa ini adalah Max akan dihantar ke satu lokasi yang telah ditetapkan oleh guru, seperti ke satu sudut di dalam bilik darjah di mana murid tersebut akan menghadap dinding atau dihantar ke bilik lain. Dalam teknik "time out", jika Max tidak dapat mengawal dirinya, dia akan dikeluarkan dari tempat bermasalah dan dibiarkan bersendirian di satu sudut di dalam bilik darjah. Bila kelakuan Max menjadi lebih positif, dia dibenarkan duduk balik di tempatnya di dalam bilik darjah. Kelebihan strategi ini adalah kita dapat mengajar murid supaya bertanggungjawab atas kesalahan yang dia lakukan, sekiranya dia menunjukkan tingkah laku negatif maka dia perlu untuk mengasingkan diri daripada rakan-rakan lain. Manakala, kekurangannya adalah tidak boleh dijalankan selalu kerana kesannya akan kurang nampak, nanti murid akan rasa dipinggirkan dan tidak dipedulikan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kita dapat melihat banyak strategi pengurusan tingkah laku yang dapat dijalankan terhadap Max bagi mengawal masalah yang dihadapinya. Bagi kanak-kanak seperti Max yang memiliki masalah impulsive dan tingkah laku, kita perlu tahu strategi mana satu yang sesuai untuknya. Hal ini supaya setiap daripada strategi yang dijalankan dapat mengubah tingkah laku negatif Max daripada negatif ke positif. Guru harus bertanggungjawab mengenalpasti tingkah laku bermasalah yang ditunjukkan oleh murid terutamanya murid seperti Max agar sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan lebih lancar dan apa yang ingin disampaikan pada hari tersebut mencapai objektifnya. Dalam usaha menangani masalah ini semua pihak harus melibatkan diri sama ada ibu bapa, guru, dan juga pihak sekolah agar dapat melahirkan murid yang lebih berdisiplin pada masa hadapan.